

16 APR 1998

ASEAN MESTI BERSATU KE ARAH INTEGRASI EKONOMI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Asean hendaklah bersatu dan bergerak ke arah integrasi ekonomi serantau, kata Setiausaha Agung Asean yang baru Rodolfo Severino di sini hari ini.

Katanya Asean seharusnya merumuskan satu suara bersama dalam menangani krisis kewangan yang melanda rantau ini memandangkan ia mencakupi persoalan global dan serantau.

Katanya satu suara bersama diperlukan kerana ia akan mempunyai kesan besar ke arah mempengaruhi pembentukan satu sistem kewangan antarabangsa.

"Perdagangan matawang seharusnya menjadi elemen penting dalam pembentukan sistem itu," kata beliau kepada wartawan selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini. Ia merupakan kunjungan pertama beliau selepas dilantik Setiausaha Agung pertubuhan serantau itu.

Severino berkata selain daripada masalah jerebu, perbincangannya dengan Dr Mahathir semasa pertemuan selama setengah jam itu tertumpu kepada masalah kewangan yang dihadapi negara Asean sekarang.

Katanya, Dr Mahathir telah menegaskan perlunya Asean bersatu dalam menghadapi masalah kewangan itu.

"Beliau memandang berat terutamanya terhadap usaha menangani struktur kewangan yang sedang berubah dalam sistem antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

DVS MR NMO